

## PENJELASAN ISU “CROSS REFERRAL” BAGI CAJ RAWATAN PERGIGIAN

BIL	SITUASI	DARI	KEPADA	CAJ PENDAFTARAN	RUJUKAN
1.	Kes rujukan dari <b>Klinik Pergigian A</b> ke <b>Klinik Pergigian B</b> untuk siasatan lanjut/imaging dan lain-lain (Contoh: mesin x-ray PA di Klinik Pergigian A rosak/ tiada perkhidmatan disediakan)	<b>KP A (Unit Primer)</b>	<b>KP B (Unit Primer)</b>	Pesakit tidak dikenakan caj pendaftaran dengan syarat pesakit mengemukakan resit bayaran pendaftaran/ borang permohonan ujian/siasatan dari klinik yang merujuk pesakit. Walau bagaimanapun, sekiranya pesakit dari KP A datang ke KP B pada hari yang berlainan, maka caj pendaftaran akan dikenakan di KP B.	Garis Panduan Penyelarasan Kutipan Caj Pendaftaran Dan Perkhidmatan di fasiliti Kesihatan Primer KKM Bagi Warganegara bertarikh 3 Disember 2019
2.	Kes rujukan <b>dari Klinik Pergigian A</b> ke <b>Klinik Pergigian B</b> untuk perkhidmatan KEPP (Klinik Endodontik Pergigian Primer)	<b>KP A (Unit Primer)</b>	<b>KP B (Unit Primer- KEPP)</b>	Caj pesakit luar dikenakan di KP B.	
3.	Kes rujukan dari <b>Klinik Pergigian A</b> (Pakar Ortodontik) ke <b>Klinik Pergigian B (Primer)</b> untuk cabutan 4 batang gigi di mana cabutan gigi adalah sebahagian dari pelan rawatan pakar ortodontik  <b>Klinik Pergigian A</b> dan <b>Klinik Pergigian B</b> bukan fasiliti yang sama.	<b>KP A (Klinik Pakar)</b>	<b>KP B (Unit Primer)</b>	Caj pesakit luar dikenakan di KP B.	

## PENJELASAN ISU “CROSS REFERRAL” BAGI CAJ RAWATAN PERGIGIAN

BIL	SITUASI	DARI	KEPADA	CAJ PENDAFTARAN	RUJUKAN
4.	<p>Kes rujukan pesakit dari Pakar Pergigian Ortodontik ke perkhidmatan primer <b>Klinik Pergigian A</b> untuk cabutan 4 batang gigi di mana cabutan gigi adalah sebahagian dari pelan rawatan pakar ortodontik</p> <p>Unit Pakar Ortodontik di dalam fasiliti yang sama dengan Unit Primer tetapi menggunakan buku pendaftaran yang berlainan.</p>	<b>KP A (Pakar)</b>	<b>KP A (Primer)</b>	Caj pesakit Luar dikenakan di unit primer.	
5.	<p>Kes rujukan pesakit dari perkhidmatan Pakar Pergigian Ortodontik ke perkhidmatan primer <b>Klinik Pergigian B</b> untuk cabutan 4 batang gigi di mana cabutan gigi adalah sebahagian dari pelan rawatan pakar ortodontik</p> <p>Unit Pakar Ortodontik berada di dalam bangunan yang sama dengan Unit Primer dan menggunakan buku /sistem pendaftaran yang sama (Contoh : TPC- OHCIS)</p>	<b>KP B (Pakar)</b>	<b>KP B (Primer)</b>	Caj pesakit Luar dikenakan di unit primer.	